

## **DASAR e-PEMBELAJARAN NEGARA (DePAN)**

Dasar e-Pembelajaran Negara telah dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 2011 bagi menyokong Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Ia juga menjadi satu panduan bagi pelaksanaan e-Pembelajaran di kalangan institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia. Matlamat utama DePAN adalah bagi IPT untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai alat bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bertujuan membangunkan modal insan bertaraf dunia.

Secara umumnya, DePAN mempunyai lima tunggak iaitu:

1. Infrastruktur
2. Struktur organisasi
3. Kurikulum dan e-Kandungan
4. Perkembangan profesional
5. Pembudayaan.

Setiap tunggak ini mempunyai bidang fokus dan aktiviti yang perlu dilaksanakan mengikut tiga fasa pelaksanaan, iaitu Fasa Awal (2011-2012), Fasa Pelaksanaan (2013-2014), dan Fasa Matang (2015 ke atas). Fokus utama di dalam DePAN adalah tertumpu kepada aspek kualiti penyampaian pendidikan.

### **DePAN 2.0**

Seterusnya dasar ini dikemaskini dan diberi nama sebagai DePAN 2.0. Dasar baharu ini memfokus kepada usaha menggalakkan inovasi dalam pendidikan, penjenamaan pendidikan Malaysia, mengurangkan kos penyampaian, membawa bidang kepakaran dan kemahiran Malaysia ke peringkat global dan juga membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

DePAN 2.0 mempunyai enam tunggak iaitu:

1. Infrastruktur & infostruktur
2. Governans
3. Pedagogi dalam talian
4. E-kandungan
5. Perkembangan profesional
6. Pembudayaan.

DePAN 2.0 merangkumi tiga fasa iaitu, Fasa 1 (2015), Fasa 2 (2016-2020), dan Fasa 3 (2021-2025). Jadual 1-6 memperincikan enam tunggak DePAN 2.0 dan perancangan aktiviti mengikut fasa.

**Jadual 1. Infrastruktur & Infostruktur**

<b>Doma in</b>	<b>Bidang Fokus</b>	<b>Fasa 1, 2015</b>	<b>Fasa 2, 2016-2020</b>	<b>Fasa 3, 2021-2025</b>
<b>Infrastruktur &amp; Infostruktur</b>	Internet dan liputan WiFi	1 Gbps – 5 Gbps capaian internet.	6 Gbps – 10 Gbps capaian internet.	Minimum 10 Gbps capaian internet.
		1 Mbps/pelajar dan 80% liputan.	2 Mbps/pelajar dan 90% liputan.	2.5 Mbps/pelajar dan 100% liputan.
	Pelantar e-Pembelajaran	Pelantar e-pembelajaran 2.0 dan MOOC ready.	Pelantar e-pembelajaran 2.0 dan MOOC ready.	Pelantar e-pembelajaran 2.0, MOOC, Mobile dan Learning Analytics ready.
	Peralatan dan perisian ICT	100% pensyarah dan 90% pelajar mempunyai computer/notebook/tablet/telefon pintar.	100% pensyarah dan 95% pelajar mempunyai computer/notebook/tablet/telefon pintar.	100% pensyarah dan 100% pelajar mempunyai notebook/tablet/telefon pintar.
		50% pensyarah mempunyai akses kepada perisian pembangunan e-kandungan.	75% pensyarah mempunyai akses kepada perisian pembangunan e-kandungan.	100% pensyarah mempunyai akses kepada perisian pembangunan e-kandungan.

**Jadual 2. Governans**

<b>Doma in</b>	<b>Bidang Fokus</b>	<b>Fasa 1, 2015</b>	<b>Fasa 2, 2016-2020</b>	<b>Fasa 3, 2021-2025</b>
<b>Governans</b>	Polisi dan Pelan Tindakan	Polisi e-pembelajaran IPT digubal dan diguna pakai secara menyeluruh.	Polisi e-pembelajaran IPT dikemaskini mengikut tuntutan semasa dari segi penggunaan teknologi baru, etika dan hak cipta.	Polisi e-pembelajaran IPT disetarakan dengan piawaian polisi e-pembelajaran antarabangsa.
		IPT mempunyai pelan tindakan e-pembelajaran yang komprehensif.	IPT melaksanakan pelan tindakan e-pembelajaran secara menyeluruh.	IPT menyetarakan pelan tindakan e-pembelajaran dengan piawaian antarabangsa.
	Kepimpinan dan Unit e-Pembelajaran	Kepimpinan e-pembelajaran IPT mempunyai kemahiran terkini dan diiktiraf di peringkat institusi.	Kepimpinan e-pembelajaran IPT mempunyai kemahiran terkini dan diiktiraf di peringkat kebangsaan.	Kepimpinan e-pembelajaran IPT mempunyai kemahiran terkini dan diiktiraf di peringkat serantau dan global.
		Unit e-pembelajaran IPT ditubuhkan dan beroperasi sepenuhnya.	Unit e-pembelajaran IPT berkolaborasi dalam aktiviti e-pembelajaran di peringkat kebangsaan dan serantau.	Unit e-pembelajaran IPT berkolaborasi dalam aktiviti e-pembelajaran di peringkat serantau dan global.
	Sumber Manusia dan Peruntukan Kewangan	IPT mempunyai sumber manusia dan perjawatan yang sesuai untuk melaksanakan semua aktiviti e-pembelajaran.	IPT menyediakan latihan dengan persijilan dan laluan kerjaya kepada sumber manusia yang berkaitan dengan e-pembelajaran.	Sumber manusia yang berkaitan dengan e-pembelajaran memperolehi pensijilan antarabangsa.
		IPT memperuntukkan 0.5% daripada bajet operasi tahunan untuk pelaksanaan e-pembelajaran.	IPT memperuntukkan 1% daripada bajet operasi tahunan untuk pelaksanaan e-pembelajaran.	IPT memperuntukkan 1.5% daripada bajet operasi tahunan untuk pelaksanaan e-pembelajaran.

**Jadual 3. Pedagogi dalam Talian**

Doma in	Bidang Fokus	Fasa 1, 2015	Fasa 2, 2016-2020	Fasa 3, 2021-2025
Pedagogi dalam Talian	Pembelajaran Teradun ( <i>Blended Learning</i> )	30% kursus IPT dikendalikan dalam bentuk pembelajaran teradun.	50% kursus IPT dikendalikan dalam bentuk pembelajaran teradun.	70% kursus IPT dikendalikan dalam bentuk pembelajaran teradun.
	Kursus Terbuka	Setiap IPT menawarkan sekurang-kurangnya 3 kursus secara terbuka (MOOC).	Setiap IPT menawarkan sekurang-kurangnya 15 kursus secara terbuka (MOOC).	Setiap IPT menawarkan sekurang-kurangnya 30 kursus secara terbuka (MOOC).
	e-Pentaksiran	5% e-pentaksiran dalam pembelajaran teradun.	10% e-pentaksiran dalam pembelajaran teradun.	15% e-pentaksiran dalam pembelajaran teradun.

**Jadual 4. e-Kandungan**

Doma in	Bidang Fokus	Fasa 1, 2015	Fasa 2, 2016-2020	Fasa 3, 2021-2025
e-Kandungan	e-Kandungan Asli	10% daripada semua kursus yang ditawarkan mempunyai e-kandungan asli.	25% daripada semua kursus yang ditawarkan mempunyai e-kandungan asli.	40% daripada semua kursus yang ditawarkan mempunyai e-kandungan asli.
	e-Kandungan Terbuka	5% daripada semua kursus yang ditawarkan oleh setiap IPT dibangunkan dan ditawarkan secara terbuka ( <i>Open CourseWare - OCW</i> ).	10% daripada semua kursus yang ditawarkan oleh setiap IPT dibangunkan dan ditawarkan secara terbuka (OCW).	15% daripada semua kursus yang ditawarkan oleh setiap IPT dibangunkan secara terbuka (OCW).
	Piawai e-Kandungan	Piawai e-kandungan diwujudkan.	Piawai e-kandungan digunakan.	Piawai e-kandungan disetarakan di peringkat antarabangsa.

**Jadual 5. Perkembangan Profesional**

<b>Doma in</b>	<b>Bidang Fokus</b>	<b>Fasa 1, 2015</b>	<b>Fasa 2, 2016-2020</b>	<b>Fasa 3, 2021-2025</b>
<b>e-Kandungan</b>	Pengetahuan	50% staf mempunyai pengetahuan TPACK ( <i>Technological Pedagogical Content Knowledge</i> ).	75% staf mempunyai pengetahuan TPACK.	100% staf mempunyai pengetahuan TPACK.
	Kemahiran	50% staf akademik mempunyai kemahiran asas e-pembelajaran.	75% staf akademik mempunyai kemahiran asas e-pembelajaran.	100% staf akademik mempunyai kemahiran asas e-pembelajaran.
		5% staf akademik mempunyai kemahiran lanjutan e-pembelajaran.	15% staf akademik mempunyai kemahiran lanjutan e-pembelajaran.	25% staf akademik mempunyai kemahiran lanjutan e-pembelajaran.
		75% pelajar mempunyai kemahiran e-pembelajaran.	100% pelajar mempunyai kemahiran memanipulasi kandungan e-pembelajaran.	100% pelajar mempunyai kemahiran memanipulasi dan menghasilkan kandungan e-pembelajaran.
	Amalan	50% staf IPT adalah pengamal pembelajaran teradun.	75% staf IPT adalah pengamal pembelajaran teradun.	100% staf IPT adalah pengamal pembelajaran teradun.
		1% staf menjalankan penyelidikan dan pembangunan berkaitan e-pembelajaran.	5% staf menjalankan penyelidikan dan pembangunan berkaitan e-pembelajaran.	10% staf menjalankan penyelidikan dan pembangunan berkaitan e-pembelajaran.

**Jadual 6. Pembudayaan**

<b>Doma in</b>	<b>Bidang Fokus</b>	<b>Fasa 1, 2015</b>	<b>Fasa 2, 2016-2020</b>	<b>Fasa 3, 2021-2025</b>
<b>Pembudayaan</b>	Pemerbudayaan	100% pensyarah menjadi pengguna e-pembelajaran.	50% pensyarah menjadi penyumbang e-pembelajaran.	10% pensyarah menjadi inovator e-pembelajaran.
		60% pelajar menjadi pengguna e-pembelajaran.	25% pelajar menjadi penyumbang e-pembelajaran.	5% pelajar menjadi inovator e-pembelajaran.
	Pengiktirafan	Pengiktirafan diwujudkan bagi mengiktiraf kepada penggerak e-pembelajaran di peringkat institusi.	Pengiktirafan diwujudkan bagi mengiktiraf kepada penggerak e-pembelajaran di peringkat kebangsaan (MEIPTA/KPT).	Pengiktirafan diwujudkan bagi mengiktiraf kepada penggerak e-pembelajaran di peringkat serantau dan global oleh KPT.
	Kesetaraan Penerbitan	IPT mewujudkan garis panduan dan mekanisme penyetaraan e-kandungan dengan penerbitan.	IPT melaksanakan mekanisme penyetaraan e-kandungan dengan penerbitan.	Garis panduan dan mekanisme penyetaraan e-kandungan yang diwujudkan di setiap IPT diselaraskan di peringkat kebangsaan.

